



LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA (LAND SURVEYORS BOARD)

[Ditubuhkan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen, 1958 (Disemak 1991) - Akta 458]

RUJUKAN TUAN:

RUJUKAN KAMI: **LJT SULIT 60.1 / (65)**

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7 WISMA LJT

LORONG PERAK

PUSAT BANDAR MELAWATI

53100 KUALA LUMPUR

No. Telefon: 03-41085191

No. Faksimili: 03-41085178

e-mail: secretary@ljt.org.my

laman web: www.ljt.org.my

5 Jun 2025
9 Zulhijjah 1446H

Semua Juruukur Tanah Berlesen

YBhg. Datuk Seri LSr / Datuk LSr / Dato' LSr / Tuan LSr / Puan LSr,

TAWARAN MENGIKUTI KURSUS PENGUKURAN DAN PEMETAAN BAWAH TANAH

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Adalah dimaklumkan bahawa Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT) akan mengendalikan Peperiksaan Bahagian I untuk orang berartikel yang masih dalam tempoh berartikel bagi kursus Pengukuran dan Pemetaan Bawah Tanah pada **1 hingga 28 Julai 2025** bertempat di LJT, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) dan Taman Melawati untuk kerja lapangan.

- Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian di borang *Google form*, <https://forms.gle/prhayzBC6kuEvdD66> mulai **5 Jun 2025 (Khamis)** dan dihantar sebelum tarikh tutup permohonan pada **11 Jun 2025 (Rabu)**. Hanya permohonan yang dibuat secara atas talian sahaja yang akan dipertimbangkan manakala permohonan yang lewat dan tidak teratur akan ditolak.
- Calon yang berjaya akan dikenakan bayaran kursus sebanyak Ringgit Malaysia Empat Ribu Lima Ratus (RM 4,500.00). Namun, jumlah bayaran kursus muktamad akan dimaklumkan kepada calon semasa menerima tawaran daripada LJT.
- Sebarang kos makan, penginapan dan perjalanan bagi menghadiri kursus ini adalah di bawah tanggungan sendiri
- Hanya calon yang berjaya sahaja akan ditawarkan surat dan dihubungi oleh pihak LJT. Calon yang tidak dihubungi selepas dua (2) minggu daripada tarikh tutup tawaran kursus dianggap **tidak berjaya** dan surat pemberitahuan tidak akan dikeluarkan oleh pihak LJT.

Sekian, terima kasih.

'MALAYSIA MADANI'


'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,



(LSr MOHD RIZA BIN HALIM)

Setiausaha Lembaga
Lembaga Jurukur Tanah
Malaysia



Pendaftaran Kursus Ukur dan Pemetaan Bawah Tanah